

07 AUG 2003

Mahkamah-PKPM (Bergambar)

KETUA PKPM DAN DUA ANGGOTA LEMBAGANYA DIDAKWA MENIPU ORANG AWAM

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Ketua Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) Nor Azami Ahmad Ghazali hari ini didakwa bersama dua anggota lembaga amanah pasukan itu di Mahkamah Sesyen di sini, atas dua tuduhan melakukan pakatan jahat untuk menipu orang awam.

Nor Azami, 35, bersama Pengarah Sumber Manusia Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Abdul Rahman Baba, 55, serta ahli perniagaan Tengku Hamid Tengku Ismail, 70, mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua tuduhan itu.

Bagi tuduhan pertama mereka didakwa melakukan kesalahan itu supaya orang awam mempercayai bahawa mereka bertindak bagi Pasukan Tindakan Cemas Malaysia, sebuah pertubuhan berdaftar, untuk mengambil anggota bagi pasukan itu, sedangkan ia adalah bagi satu pertubuhan lain yang mereka tubuh dan terajui.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di No 07-1926, Jalan Besar, Taman Bukit Angkasa, Pantai Hill Park, di sini antara 19 Sept tahun lepas dan 21 Jun tahun ini.

Bagi tuduhan kedua, mereka didakwa melakukan pakatan jahat menipu orang awam supaya mempercayai bahawa PKPM adalah satu pertubuhan berdaftar dengan Jabatan Perdana Menteri di tempat yang sama antara 8 Mei dan 16 Julai lepas.

Bagi kedua-dua kesalahan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 120B(1) Kanun yang sama yang membawa hukuman maksimum lima tahun penjara atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Selain itu, Abdul Rahman dan Tengku Hamid turut mengaku tidak bersalah terhadap satu lagi tuduhan melakukan kesalahan pemalsuan ke atas satu surat Pasukan Tindakan Cemas Malaysia bertarikh 17 Okt tahun lepas dengan niat hendak melakukan penipuan.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Aras 3, Blok C5, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya pada tarikh itu.

Bagi kesalahan itu mereka didakwa mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Mohamed Zaki Abd Wahab telah memerintahkan Nor Azami, Abdul Rahman dan Tengku Hamid diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan dua penjamin bagi dua pertuduhan pertama.

Bagi tuduhan ketiga terhadap Abdul Rahman dan Tengku Hamid pula, hakim menetapkan masing-masing diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin.

Sebelum itu, Nor Azami yang diwakili peguam Karpal Singh dan Ram Karpal memohon mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM20,000 dengan dua orang penjamin terhadapnya kerana kes itu adalah kes penipuan dan tidak menjejaskan keselamatan awam.

Abdul Rahman dan Tengku Hamid yang diwakili peguam Mohamed Yunos Shariff, Saiful Izham Ramli dan Mohamad Burok pula merayu mahkamah membenarkan ikat jamin, masing-masing sebanyak RM15,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Mohamed Yunos juga memohon mahkamah menetapkan jumlah ikat jamin termasuk tuduhan ketiga dengan mengambil kira proses perbicaraan yang akan dijalankan serentak.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Abdul Rahman Putra, Dzulkifli Ahmad dan Nik Suhaimi Sulaiman pula memohon mahkamah mengenakan ikat jamin sebanyak RM40,000 dengan dua orang penjamin setiap seorang bagi tuduhan pertama dan kedua.

Bagi tuduhan ketiga terhadap Abdul Rahman dan Tengku Hamid, Abdul Rahman memohon ikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin setiap seorang.

Hanya Nor Azami membayar ikat jamin yang ditetapkan mahkamah.

Mohamed Zaki turut menetapkan lima hari mulai 26 Jan dan empat hari mulai 3 Feb untuk perbicaraan dua kes pertama manakala 25 Sept ini bagi sebutan untuk membolehkan semua pihak berhujah berhubung bidang kuasa bagi perbicaraan pertuduhan ketiga kerana ianya berlaku di Putrajaya.

Sementara itu, Karpal Singh memohon mahkamah mengeluarkan perintah notis tunjuk sebab kenapa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak boleh dikenakan tindakan kerana menghina mahkamah.

Karpal Singh berkata Dr Mahathir dan Abdullah telah mengeluarkan kenyataan berhubung kes itu ketika ia masih dalam siasatan polis, bagaimanapun Mohamed Zaki menasihati Karpal Singh membuat permohonan berhubung perkara itu semula secara berasingan.

Sementara itu, dalam satu kenyataan, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail berkata keputusan untuk mendakwa ketiga-tiga mereka dengan pertuduhan yang dikemukakan adalah berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi polis pada peringkat ini.

Abdul Ghani berkata jabatan itu mendapati siasatan polis setakat ini gagal menunjukkan secara konklusif sebarang kesalahan berhubung penubuhan PKPM kerana ada bukti dokumen bahawa PKPM ditubuhkan sebagai syarikat awam berhad dikenali dengan PKPM Services Berhad di bawah Akta Syarikat 1965;

Sama ada orang ramai membuat bayaran bagi membolehkan mereka mendapatkan pangkat tertentu tentera atau PKPM mungkin meraih keuntungan RM64 juta daripada jualan pangkat itu.

"Bagaimanapun Jabatan Peguam Negara tidak menolak kemungkinan kesalahan lain yang dilakukan oleh perancang dan beberapa lagi terhadap individu yang ditipu menyertai PKPM dan memiliki dokumen serta artikel palsu," katanya.

Keputusan untuk mengemukakan tuduhan itu akan dibuat jika bukti-bukti telah didapatkan, katanya.

-- BERNAMA

ZMN AHH RON